

# Negara asing iktiraf sistem pendidikan kita

BH 12/7/2007

## Kejayaan rapatkan jurang pelajar bandar, luar bandar dicontohi

Oleh Syuhada Choo Abdullah

**S**ISTEM pendidikan Malaysia mendapat pengiktirafan antarabangsa apabila semakin ramai perwakilan, terutama dari Kementerian Pelajaran luar negara, mengadakan lawatan untuk melihat keberkesanan pelaksanaannya.

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran (Jabatan Sekolah), Datuk Alimuddin Mohd Dom, berkata perhatian cukup positif diterima daripada negara seluruh dunia itu adalah petanda baik dalam perkembangan bidang pendidikan tanah air.

Malah, beliau berkata, banyak negara turut menyuarakan kekaguman mereka ketika Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, membuat kunjungan rasmi ke ibu pejabat Pertubuhan Pendidikan, Saintifik dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (Unesco) di Paris, baru-baru ini.

"Mereka kagum terhadap perkembangan pendidikan negara, terutama dengan pelaksanaan dasar pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) serta kewujudan sekolah kluster menerusi Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan (PTPP) 2006-2010.

"Bukan itu saja, banyak negara juga menjadikan pengalaman Malaysia merapatkan jurang pendidikan

antara bandar dan luar bandar sebagai contoh," katanya kepada *Berita Harian* semalam.

Beliau berkata demikian selepas sidang media delegasi Kementerian Pelajaran Oman yang diketuai Menteri Pelajarannya, Yahya Saud Mansoor Al Sulaimi yang mengadakan lawatan lebih dua jam ke Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya.

Hadir sama, Pengetua sekolah itu, Khairil Awang. Delegasi berkenaan turut disertai Setiausaha Pertubuhan Nasional Oman (Pendidikan, Sains dan Kebudayaan) Dr Said Salim Al-Kitani; Koordinator Pejabat Menteri Pelajaran Oman, Sultan Yusof Al-Salimi.

Pengarah Jabatan Teknikal, Pembelajaran dan Pembangunan, Dr Sana' Sabeel Al-Balushi; Pengarah Jabatan Pembangunan Sumber Manusia, Dr Ahmed Mohammed Al-Hinai; serta Pengarah Jabatan Penuntut Malaysia Kaherah, Prof Madya Dr Hassan Basri.

Delegasi itu dalam rangka lawatan empat hari bermula Selasa lalu, dan dijadual mengadakan kunjungan hormat ke pejabat Menteri Pelajaran, jam 2 petang ini.

Hasil lawatan delegasi itu, Alimuddin berkata, kementerian berhasrat menjalinkan hubungan antara sekolah kluster di Malaysia dengan institusi pendidikan dalam kelompok sama di Oman bagi mengadakan

program bersama.

Selain itu, katanya, kerjasama lain juga boleh diadakan, termasuk bertukar kepakaran dan maklumat antara pegawai Kementerian Pelajaran kedua-dua negara.

Sambil menjelaskan ada kira-kira 900 penuntut Oman sedang mengikuti pengajian tertiar di Malaysia, beliau berkata, perkembangan itu secara langsung boleh menggalakan lebih ramai pelajar negara berkenaan melanjutkan pelajaran ke sini.

"Mereka berminat terhadap tawaran peluang pendidikan tinggi di Malaysia kerana aspek kebudayaan, sama antara dua negara, di samping kualiti universiti kita mendapat

pengiktirafan antarabangsa," katanya.

Sementara itu, Yahya Saud Mansoor berkata, matlamat utama lawatan delegasi berkenaan ialah untuk melihat pengalaman Malaysia dalam bidang pendidikan, khususnya dari aspek pelaksanaan sistem pendidikan.

Beliau berkata, pihaknya meminati kewujudan sekolah kluster dan berhasrat melihat operasi dan pencapaian institusi itu, selain pengalaman melaksanakan dasar PPSMI, polisi penyediaan guru dan pentadbiran sekolah di Malaysia.

Katanya, lawatan itu juga adalah peluang berjumpa pegawai Kementerian Pelajaran Malaysia untuk bertukar pendapat, fikiran baru dan input kepakaran dalam sistem pendidikan kedua-dua negara.

"Ia juga boleh membina kerjasama sesama sekolah dua negara ini supaya pelajar dapat saling memahami kebudayaan masing-masing.

"Selain itu, diharapkan lawatan ini menjana kerjasama seperti pegawai pendidikan kedua-dua negara saling menghadiri persidangan serta bengkel diadakan di Oman dan Malaysia.

"Saya juga berharap hasil lawatan ini akan membawa kepada pemetaraan memorandum persefahaman yang mengukuhkan hubungan Kementerian Pelajaran Oman dan Malaysia," katanya.

### FAKTA NOMBOR

Lawatan Delegasi Menteri Pelajaran Oman

6

Peserta

900

Penuntut Oman di Malaysia